

# Psikiatri dan Undang-undang Islam

Dr. S. Mohamed Hatta

## *Abstract*

*The objective of this paper is to discuss the practice of psychiatry in the light of Islamic law. At the onset, psychiatry or psychological medicine in Islam is defined. Terms like al-'aql, al-qalb and the different levels of al-nafs are presented in the context of the self and psyche of man. Proceeding further, psychiatry and its relation to legal proceedings are given a brief historical review. After that, the Islamic concept of psychiatry and its relationship to Islamic law and ijтиhad in Islamic history are dealt with. the problems faced by the Muslim psychiatric patient with regards to the principles of Islamic law are discussed. Among the suggestions made to improve the situation are to educate legal personnel with the knowledge of basic psychology and psychiatry as related to Islamic legal issues.*

## Pendahuluan

Tujuan kertas ini ialah untuk membincang secara ringkas, bidang psikiatri forensik dari perspektif Islam. Sebelum itu, perlu dijelaskan apakah yang dimaksudkan dengan bidang psikiatri forensik. Ia ditakrifkan dengan mengambil kira sejarah kedua-dua bidang psikiatri dan undang-undang secara ringkas. Psikiatri forensik yang merupakan satu bidang ilmu yang dinatijahkan oleh pertindihan antara disiplin ilmu yang bergelar psikiatri dan disiplin ilmu undang-undang perlu difahami dahulu sebelum perbincangan yang berkesan dapat dilakukan. Bagi para pengamal perubatan pula, istilah-istilah ang piawai seperti syari'ah, mazhab, fiqh, 'ulama dan ijтиhad adalah di antara istilah yang perlu difahami kegunaannya. Tanpa pengetahuan ini, pengamal perubatan Muslim

sukar memahami prinsip undang-undang Islam yang mempunyai kaitan dengan psikiatri.

Masalah yang dihadapi oleh pesakit psikiatri dengan hukuman yang mungkin dikenakan ke atas dirinya juga dibincangkan. Sehubungan dengan itu kejahilan para pengamal undang-undang Islam tentang psikiatri dan asas-asas psikologi juga boleh merumitkan lagi kemelut ini. Maka mengenalkan mereka kepada disiplin ilmu psikologi dan psikiatri yang asas adalah satu cadangan yang dikemukakan secara serius walaupun ini merupakan satu usaha yang kontroversil.

### **Psikiatri dari Pandangan Islam**

Psikiatri adalah bidang perubatan yang di dalamnya bertemu ilmu perubatan dan psikologi manusia. Sebab itulah ia juga dikenali sebagai perubatan psikologi. Dalam bahasa Arab ia dikenali sebagai *tib al-nafsi*. Dalam tradisi Islam, akal (*al-'aql*) adalah takhta bagi kognisi dan keupayaan untuk memahami sesuatu perkara. Hati atau kalbu (*al-qalb*) pula ialah takhta emosi dan perasaan. Kedua-dua istilah ini diulangi berpuluhan-puluhan kali di dalam al-Quran dan juga Hadis. Ini menunjukkan betapa pentingnya konsep jiwa manusia yang berteraskan kepada fungsi akal dan kalbu. Sebuah lagi istilah ialah *al-nafs* atau nafsu manusia yang mempunyai tiga peringkat seperti yang difirmankan oleh Allah s.w.t. dalam al-Quran: *ammarah bi al-su'*, *lawwamah*, *mutma'innah*. Kesemua ini terdapat pada diri manusia yang bukan jasadi atau fizikal, tetapi pada diri ruhinya atau diri spiritualnya.

Menurut Islam, ilmu dan pengamalan psikiatri mestilah mengambil kira keempat-empat faktor yang saling pengaruh mempengaruhi dalam kehidupan di dunia ini: biologi, psikologi, sosial dan spiritual. Hanya kesimbangan yang wujud di antaranya yang dapat menjadikan kehidupan di dunia ini lebih selesa, aman dan direndai Allah s.w.t.<sup>1</sup> Pengamalan psikiatri bukanlah mengenai pesakit-pesakit jiwa sahaja, tetapi juga mencadangkan cara-cara mencegahnya. Pencegahan dan rawatan berjalan seiringan.

### **Psikiatri Forensik**

Dalam dunia moden, bidang psikiatri telah berkembang dengan pesatnya hingga ia sudah mula bertindih atau bergabung dengan pelbagai bidang ilmu lain. Di antaranya ialah bidang antropologi, budaya, neurosurgeri, dan undang-undang. Apabila bidang psikiatri bertindih dan bergabung dengan bidang undang-undang, ia disebut sebagai psikiatri forensik. Istilah forensik berasal dari istilah forum dari bahasa Rumawi yang membawa maksud tempat permesyuaratan di mana pendapat dan hukum tentang sesuatu kes undang-undang ditentukan untuk dilaksanakan. Perundang moden serta kamar mahkamah kini telah mengambil tempat bilik-bilik forum dalam sejarah silam.

Pada kebiasaannya, perhubungan antara pesakit dan doktor merupakan satu perhubungan yang terapeutik atau perhubungan yang terkandung di dalamnya rawatan yang berupaya menjadi penawar bagi pesakit. Isi perhubungan ini juga merupakan rahsia yang wajib disimpan oleh para doktor dan perawat yang beretika. Tetapi apabila laporan psikiatri atau perubatan dikehendaki oleh pihak mahkamah, maka perhubungan

ini tidak lagi terhad kerana perkembangan penyakit atau kesihatan sekurang-kurangnya telah diketahui oleh orang luar, menerusi laporan yang disampaikan ke pihak mahkamah.<sup>2</sup>

### Pandangan Islam tentang Kehilangan Akal

Dalam sejarah, insan yang hilang kewarasan akalnya bukanlah asing bagi Islam. Bukan sahaja agama Allah yang penuh kerahmatan ini menyediakan undang-undang yang adil untuk menjamin kebajikan mereka yang berpenyakit mental, cara-cara rawatan yang memerlukan ijтиhad juga perlu digunakan.

Selama lebih daripada tiga belas abad, para doktor Islam telah menjayakan pelbagai jenis rawatan bagi memulihkan pesakit-pesakit yang tidak waras fikirannya. Ini merangkumi doa-doa yang maksur, pengendalian peranan sosial, kaunseling keagamaan, tetapi muzik atau pemulihan dengan cara menggunakan muzik yang syar'i, serta farmakoterapi atau rawatan ubatan, termasuk penggunaan dadah yang dikawal.<sup>3</sup>

Istilah *majnun* yang didapati dalam al-Quran<sup>4</sup> membawa maksud orang yang dirasuk oleh jin. Maka, sang *junun* adalah seorang yang berada di dalam keadaan dikuasai atau dirasuk hingga dirinya menjadi tidak normal. Maka akan terdapatlah gangguan atau kecelaran pada kognisi (akal fikiran), emosi (kalbu perasaan) dan tingkahlakunya. Keadaan klinikal seperti ini sekali gus melibatkan usaha-usaha perubatan dan kehakiman untuk memastikan kebajikan dirinya. Usaha bidang perubatan ialah untuk merawat sementara usaha bidang kehakiman ialah untuk memastikan hukuman dan pandangan undang-undang ke atas diri pesakit yang memerlukan perhatian dan kerahmatan ini.

### Undang-undang Islam, Ijtihad dan Psikiatri

Undang-undang Syariah sebagai sistem hukum yang telah dilaksanakan di dunia Islam pada satu ketika dulu turut menjadi sistem hukum di daerah sebelah sini seperti yang termaktub dalam Undang-undang Melaka atau *Risalat Hukum Kanun* di Melaka abad ke 15, yang kemudiannya digunakan di negeri-negeri Melayu pada abad-abad kemudian.<sup>5</sup> Ada juga yang berpendapat bahawa undang-undang Islam berkemungkinan besar menjadi undang-undang Malaya jika undang-undang British tidak menyekat perkembangannya.<sup>6</sup>

Setelah mengimbau secebis sejarah Islam di Nusantara ini, perhubungan Islam dengan psikiatri perlu dilihat kembali menerusi perspektif pengamalannya di Malaysia dan di tempat-tempat lain. Untuk memastikan sesuatu hukum, perlu diingati bahawa Islam menuntut kejelasan tentang keadaan seseorang yang akan dihukum, seperti kesihatan pada dirinya atau kesakitan yang dihidapinya.

Seperti dalam bidang-bidang perubatan yang lain, ijтиhad juga perlu dilakukan dalam psikiatri. Pintu ijтиhad yang dapat membantu dalam usaha rawatan mestilah dibuka seluar-luasnya. Tanpa kemampuan ini, banyak penemuan baru dalam bidang farmakoterapi dan psikoterapi (rawatan kejiwaan) akan tergendala dan tersisih daripada umat Islam. Langkah-langkah ijтиhad pula perlu dilandaskan kepada syarat dan kaedah yang dipersetujui oleh para cendekiawan dan ulama Islam. Dua belas kaedah fekah

yang disenaraikan penggunaannya oleh Syekh al-Qattan<sup>7</sup> adalah di antara panduan-panduan yang boleh digunakan.

### **Islam dan Psikiatri Forensik**

Seperti doktor-doktor lain, apabila doktor dan pakar psikiatri dipanggil ke mahkamah, dia akan memasuki dunia yang asing bagi amalan perubatannya. Jika di klinik, hospital atau di mana-mana saja dia dipanggil untuk memberikan rawatan, tugas utama yang ada pada dirinya ialah untuk menjadi ejen penawar bagi kesakitan yang dialami oleh pesakitnya. Sebaliknya, di mahkamah, dia menjadi ejen yang membantu dalam menentukan kesalahan atau kebenaran pesakitnya. Walaupun ini mungkin suatu tugas yang tidak disukainya, dia terpaksa memberi pendapat pakar di mahkamah yang menjadikan dirinya keluar daripada tata susila biasa yang ada pada diri seorang doktor.

Pada hakim dan peguam perlu pula memahami secara asas beberapa penyakit mental, tanda-tandanya serta perkembangannya. Ini amat penting kerana jika hukuman dijatuhkan tanpa keadilan lantaran kesilapan faham tentang tabiat sesuatu penyakit dan kesannya ke atas diri orang yang menghidapinya, maka buruklah akibatnya dari sudut hukum dan keadilan. Pengenalan tentang psikologi dan psikologi perubatan yang asas boleh menjadi satu cara untuk mengatasi masalah ini.

### **NOTA HUJUNG**

1. Al-Quran, *al-Haj*. 22: 46.
2. J. Rappeport. "Ethics and forensic psychiatry." Dalam S. Bloch, P. Chodoff (ed). *Psychiatric Ethics*. Oxford: Oxford University Press, 1993, hal. 391
3. M.W. Dols. "Insanity and its treatment in Islamic society." *Medical History*, 1987, 13: 1 - 14
4. Al-Quran, *al-Qalam*, 68: 1 - 4.
5. J.F. Liaw. *Undang-undang Melaka*. The Hague, 1950: 33 - 35, dalam A. Ibrahim. "The introduction of Islamic Values in the Malaysian Legal System." *IKIM Journal*, Institute of Islamic Understanding Malaysia, 2, 1, 1994, 27.
6. R.J. Wilkinson . Papers on Malay Subjects. *Law*, Kuala Lumpur, 1971, 49.
7. S.M.B.K. Al-Qattan. "Islamic Jurisprudential Judgment on Human Organ Transplantation." *Saudi Medical Journal*, 1992, 13, 6, 483-487